

# Nasihat Naib Canselor UMS: Jangan hampakan ibu bapa

NST 15/01/2011 10

OLEH JAINUDIN JIMIN

(jainudin@newsabahtimes.com.my)

**LABUAN:** Pelajar yang terpilih melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dinasihatkan agar tidak menghampakan ibu bapa yang meletakkan harapan yang tinggi terhadap mereka.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMS, Prof Dr Amran Ahmed berkata apabila berjaya memasuki UMS, ibu bapa mahu anak mereka boleh kejayaan yang cemerlang di bidang akademik, sahsiah dan kokurikulum.

Katanya, ramai ibu bapa yang tidak mengetahui kedudukan anak mereka dalam tempoh tiga tahun pengajian sama ada mendapat keputusan yang baik atau sebaliknya.

Beliau berkata, selepas menjejakkan kaki di menara gading, ibu bapa yang berada jauh di kampung halaman termasuk mereka yang berpendapatan rendah hanya mahu melihat kejayaan diperolehi oleh anak mereka.

Sehubungan itu, Dr Amran menasihatkan pelajar supaya tidak mensia-siakan harapan tinggi ibu bapa yang telah banyak berkorban termasuk mengeluarkan kewangan, masa dan tenaga samara-mata mahu memastikan anak mereka berjaya dalam akademik dan kerjaya pada masa akan datang.

"Jangan buang masa anda ketika berada di UMS Labuan. Anda perlu menghargai pengorbanan ibu bapa yang sang-



**TAKLIMAT ...** Sebahagian pelajar perempuan Tahun Satu yang menghadiri Taklimat itu.

gup bersusah payah semata-mata mahu melihat kejayaan anak mereka di universiti," katanya berucap ketika menyampaikan Taklimat Akademik kepada Pelajar Tahun Satu Sesi 2011/2012 di Dewan Utama, UMS-KAL malam, kelmarin.

Taklimat anjuran Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA) itu dihadiri Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SP-KAL), Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim

dan Penolong Pendaftar Kanan, BPA UMS-KAL, Roslan Gimba.

Hadir sama pensyarah SPKAL, SSIL dan kakitangan BPA.

Dalam pada itu, Dr Amran berkata pihak UMS akan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mana-mana pelajar yang sengaja melanggar peraturan akademik termasuk melakukan penipuan semasa peperiksaan dijalankan dan mengambil hak cipta orang lain hanya untuk mencapai keputusan yang cemerlang.